



[Home](#) / [2025](#) / [June](#) / [Bicara Sukarelawan Cungkil Nilai Kemanusiaan, Kepemimpinan Pelajar UiTM](#)

KONFERENS & SEMINAR

13/06/2025 / DR SAIDA FARHANAH SARKAM



VOLUNTEERISM TALK: FROM GIVING TO SAVING LIVES



Tuan Haji Zulkifli Wahijan
Presiden Muslim Care Malaysia
(MCM)



**Cik Wan Sharmila binti Wan
Muhamed**
Aktivis Muslim Care Malaysia
(MCM)

TARIKH: 18 MEI 2025

MASA: 8:00 MALAM - 10:00 MALAM

Jasin, 9 Jun 2025 – Program *Volunteerism Talk: From Giving to Saving Lives* anjuran Kelab Sukabantu, UiTM Melaka Kampus Jasin, telah mencipta kejayaan tersendiri apabila berjaya menarik 252 peserta dalam sesi dalam talian yang berlangsung melalui platform Google Meet pada 18 Mei 2025. Program yang berlangsung selama dua jam bermula jam 8 malam ini memberi tumpuan kepada isu-isu kemanusiaan global dan tanggungjawab sosial belia masa kini. Ucapan alu-aluan disampaikan oleh penasihat kelab, Dr. Saida Farhanah Sarkam, yang menekankan pentingnya mendidik mahasiswa menjadi ejen perubahan yang cakna dan proaktif melalui kerja kesukarelawanan.



Menampilkan Presiden Muslim Care Malaysia (MCM), Tuan Haji Zulkifli Wahijan sebagai panel utama, beliau berkongsi pengalaman luas dalam misi bantuan kemanusiaan di negara bergolak seperti Iraq, Gaza, Syria dan Yaman, serta ketika berhadapan bencana alam di Kashmir. Beliau menekankan aspek integriti, kecekapan dan kesabaran dalam menyampaikan bantuan. Turut memeriahkan sesi ialah artis jemputan, Wan Sharmila, yang menyampaikan pandangan tentang bagaimana figura awam mampu memainkan peranan penting dalam mengangkat isu kemanusiaan di mata masyarakat.



Program ini turut membuka ruang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dan memperkukuh kemahiran insaniah yang diperlukan dalam dunia sebenar. Melalui penyertaan dalam aktiviti Kelab Sukabantu, para pelajar bukan sahaja dapat menyumbang kepada masyarakat, malah mengasah kemahiran kepimpinan, pengurusan program yang berkesan dan kerja berpasukan yang mantap.

Pensijilan e-merit turut diberikan sebagai galakan. Kejayaan penganjuran ini membuktikan bahawa semangat kesukarelawanan terus subur dalam kalangan generasi muda meskipun melalui platform digital.



Tags: [Muslim Care Malaysia \(MCM\)](#), [UiTM Cawangan Melaka Kampus Basri](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

< [UiTM Cawangan Negeri Sembilan Hidupkan Dunia STEM di Sekolah](#)

[UiTM Puncak Alam Anjur Karnival Kesihatan, Perkasa Kesedaran Seksual & BLS](#) >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000

